

BILANGAN 32 MENYERANTAU ATAU MENYEJAGAT

PETIKAN 1



Umat Islam **rantau** sambut Aidilfitri esok.


Dalam petikan 1, tajuk berita ini menjadi rancu lantaran tidak menggunakan awalan *se*. Seharusnya tajuk yang baku ialah:
1) Umat Islam Serantau Menyambut Aidilfitri, Esok.

Rantau bermaksud pesisir, negeri asing, negeri tempat mencari kehidupan, dan satu daerah yang luas. Apabila digunakan awalan *se*, serantau pula bermaksud dalam satu rantau, beberapa negara pesisir yang berhampiran. Kalau negara-negara yang serantau dengan Singapura ialah Malaysia, Indonesia, Thailand dan sebagainya.

Menyerantau pula mengalami awalan *meN* bagi membentuk kata kerja daripada kata terbitan serantau (*meN* + [*se* + rantau]). Jadi, menyerantau itu bermaksud merantau ke negara-negara pesisir yang lain, bukan di luar negara berkenaan.

Dalam petikan 2, 3 dan 4, menyerantau digunakan dalam konteks di luar negara pesisir. Petikan 2 mengisahkan jenama tempatan digesa menyerantau (?) ke Timur Tengah. Petikan 3 pula memberitakan OUB yang akan menyerantau (?) ke India. Sementara petikan 3 pula menghebahkan nasi lemak setempat yang menyerantau (?) ke Australia.

PETIKAN 2



Saya juga yakin banyak jenama milik peniaga Melayu yang lahir di gerai pusat penjaja yang kini popular sehingga ke hari ini. Bila lagi nak cuba **menyerantau?**

PETIKAN 3



UOB **menyerantau** ke India.

PETIKAN 4



Saya terbaca pandangan wartawan Fadilah A. Majid bertajuk Suka Dengar Nasi Lemak Melayu dah **Menyerantau**.

Setujukah anda dengan penggunaan menyerantau dalam konteks tersebut? Apakah pandangan anda, jika kita menggantikannya dengan merantau sahaja atau menyejagat (*meN* + [*se* + jagat])?